

02 APR 2002

Keganasan-Deklarasi/I

OIC TOLAK SEBARANG CUBAAN KAITKAN PERJUANGAN PALESTIN DENGAN KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Negara-negara Islam yang mengulangi komitmen menyokong usaha antarabangsa memerangi keganasan, menolak sebarang cubaan untuk mengaitkan keganasan dengan negara-negara Islam dan perjuangan Palestin membebaskan wilayah mereka daripada cengkaman Israel.

Menteri-menteri Luar negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) juga menolak sebarang tindakan sehalu terhadap mana-mana negara Islam yang dilakukan dengan alasan memerangi keganasan.

"Kami menolak sebarang cubaan mengaitkan keganasan dengan perjuangan rakyat Palestin menuntut hak mewujudkan negara merdeka dengan Al-Quds Al-Sharif (Jerusalem) sebagai ibu negara," kata mereka dalam deraf deklarasi Sesi Khas Menteri-menteri Luar OIC Mengenai Keganasan yang diperolehi oleh Bernama daripada perwakilan.

"Kami (juga) menolak sebarang cubaan mengaitkan negara-negara Islam atau Palestin dan penentangan Lubnan dengan keganasan kerana ia akan membentuk penghalang kepada perjuangan global menentang keganasan," kata mereka dalam deraf Deklarasi Kuala Lumpur.

Deklarasi 17 perkara itu dijangka akan diluluskan pada penghujung sesi tiga hari itu esok.

Sementara itu, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu pemberita petang ini yang sesi khas itu telahpun menamatkan perbahasan dan deklarasi sudahpun disiapkan untuk diluluskan.

Bagaimanapun, beliau berkata, deklarasi itu hanya akan diluluskan pada sesi esok kerana terjemahannya dalam bahasa Arab dan Perancis masih belum siap.

Dalam deklarasi itu Menteri-menteri itu mengutuk Israel kerana meningkatkan kempen ketenteraan terhadap rakyat Palestin, termasuk membunuh dan mencederakan orang awam serta memusnahkan kemudahan infrastruktur di wilayah itu.

Mereka menekankan akan pentingnya mengatasi punca di sebalik keganasan antarabangsa dan berpendapat peperangan terhadap keganasan tidak akan berjaya jika persekitaran yang menggalakkannya, termasuk penaklukan asing, ketidakadilan dan pengasingan dibenarkan berleluasa.

Mereka berkata: " Kami menolak apa-apa usaha untuk mengaitkan Islam dan umatnya dengan keganasan dan keganasan tiada kaitan dengan mana-mana agama, tamadun dan kewarganegaraan.

+ Kami mengulangi yang tindakan pencegahan yang diambil untuk menangani keganasan tidak harus menyebabkan kumpulan etnik atau agama tertentu dan juga masyarakat tertentu menjadi sasaran.

+Kami dengan sebulat suara mengutuk sebarang keganasan antarabangsa dalam apa sahaja bentuk, termasuk keganasan yang dilakukan oleh negara tanpa mengira motif, orang yang melakukannya dan mangsa-mangsa memandangkan keganasan membawa ancaman serius kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa dan ia dengan jelas mencabuli hak asasi manusia.

OIC mengulangi seruannya supaya diadakan satu persidangan antarabangsa di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk merumuskan satu tindakbalas yang diatur bersama oleh masyarakat antarabangsa terhadap segala bentuk keganasan.

Menteri-menteri juga menimbangakan kata-kata pembukaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mereka sifatkan sebagai penting dan merupakan sebahagian daripada dokumen rasmi sesi khas itu.

Dr Mahathir dalam ucaptamanya telah mengutarakan satu formula untuk

menamatkan keganasan; mengenal pasti dan menangani punca hati terbuka dan kemarahan pada sesetengah negara dan rakyat mereka yang menimbulkan perbuatan keganasan ataupun kecenderungan untuk melakukan perbuatan seperti itu.

"Oleh itu kami mengesahkan semula komitmen kami di peringkat kebangsaan melalui kerjasama antarabangsa dalam memerangi keganasan dan bersetuju bagi satu pelan tindakan yang diwujudkan di sesi khas untuk menangani gejala itu.

Mereka mengulangi di bawah undang-undang antarabangsa PBB akan perjuangan sah menentang serangan asing dan perjuangan membebaskan diri daripada penjajah dan penaklukan asing bagi kemerdekaan dan menentukan sendiri nasib mereka.

Dalam konteks ini, Menteri-menteri Islam itu menggariskan yang perlunya mencari dengan segera satu definisi antarabangsa mengenai keganasan yang dipersetujui semua yang membezakan perjuangan sah dengan keganasan.

Negara-negara Islam mengesahkan semula komitmen mereka kepada prinsip dan ajaran sebenar Islam yang menolak keganasan, menghargai keamanan, toleransi dan saling hormat-menghormati selain melarang pembunuhan mereka yang tidak bersalah.

-- BERNAMA

ZS ZS PR